



ASET KAYAMAS™

THE BENCHMARK OF OWNERSHIP

ASET KAYAMAS SDN. BHD. (929423-V)
Lot 33545, Batu 5, Jalan Klang Lama,
58000 Kuala Lumpur.
T : +603-7989 9888 **F :** +603-7972 0888
E : info@asetkayamas.com

Associates / Developers:
FABER VISTA SDN. BHD. (870469-D)
SINERJUTA SDN. BHD. (1013408-T)
ERA ECOLAND SDN. BHD. (1119692-P)
UJANA MUTIARA SDN. BHD. (1126138-AI)
GARUDA SEARAH SDN. BHD. (1134692-A)

Siaran Akhbar

“Rumah mampu milik membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia memiliki rumah sendiri,” kata YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad sempena Majlis Penyerahan Kunci Residensi Kepongmas

KUALA LUMPUR, 14 Oktober 2019 – Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan telah merasmikan majlis penyerahan kunci hari ini bersama dengan 1,514 penghuni rumah Residensi Kepongmas.

Dibina oleh Aset Kayamas Sdn Bhd, Residensi Kepongmas merupakan 1,514 unit kediaman bertingkat yang dilengkapi dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi. Projek ini merupakan salah satu projek rumah mampu milik yang dijual dari RM188,000 hingga RM198,000 seunit, dengan keluasan 800 kaki persegi untuk setiap unit.

Program Residensi Wilayah diperkenalkan dengan tujuan untuk menyediakan perumahan rumah mampu milik kepada rakyat Malaysia agar dapat mendiami kawasan berhampiran wilayah persekutuan termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Labuan. Sebanyak 80,000 unit rumah Residensi Wilayah dirancang dibangunkan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad berkata: “Lebih 70 peratus daripada para pencari rumah pada masa kini adalah di bawah umur 29 tahun dengan peningkatan bilangan golongan muda memasuki alam perkerjaan setiap tahun. Sehubungan itu, pembangunan rumah mampu milik yang bukan sahaja selesa malah terletak di lokasi yang optimal amat perlu diberi perhatian khususnya untuk memastikan golongan sedemikian didedahkan dengan pelbagai peluang pekerjaan dan peluang ekonomi yang lain.”



ASET KAYAMAS™

THE BENCHMARK OF OWNERSHIP

ASET KAYAMAS SDN. BHD. (929423-V)
Lot 33545, Batu 5, Jalan Klang Lama,
58000 Kuala Lumpur.
T : +603-7989 9888 **F :** +603-7972 0888
E : info@asetkayamas.com

Associates / Developers:
FABER VISTA SDN. BHD. (870469-D)
SINERJUTA SDN. BHD. (1013408-T)
ERA ECOLAND SDN. BHD. (1119692-P)
UJANA MUTIARA SDN. BHD. (1126138-AI)
GARUDA SEARAH SDN. BHD. (1134692-A)

Terletak 12km dari pusat bandar, Residensi Kepongmas mudah diakses melalui jalan-jalan utama seperti Jalan Lingkaran Tengah 2 Kuala Lumpur (MRR2) dan Jalan Kuching. Pelbagai kemudahan telah disediakan dalam bangunan seperti taska, kawasan rekreasi, dewan serbaguna, taman permainan, dan kiosk supaya penduduk-penduduk boleh bersosial dan berinteraksi dengan orang lain, menganjurkan acara peribadi, serta menggunakan kemudahan yang sedia ada apabila berlaku sebarang kecemasan.

Terletak bersebelahan dengan Taman Tasik Metropolitan Kepong, Residensi Kepongmas dibina untuk warga kota sibuk yang memerlukan kemudahan akses ke pusat bandar, tapi pada masa yang sama menghargai alam sekitar. Kedekatannya dengan taman membolehkan penduduk-penduduk merancang aktiviti rekreasi dengan orang tersayang pada waktu petang atau hujung minggu.

Sebelum mengakhiri ucapan, Yang Berhormat Tuan Haji Khalid menyampaikan kepada hadiri majlis sebuah rakaman video ucapan dari Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri yang mana beliau telah dijadualkan untuk hadir tetapi terpaksa menghadiri tugas lain pada saat akhir.

“Aset Kayamas terus menjadi salah satu pemaju yang aktif dalam menyokong projek pembagunan rumah mampu milik. Residensi Kepongmas adalah satu contoh terbaik mengenai projek Residensi Wilayah – pangsapuri mampu milik yang mempunyai ruang yang cukup luas serta dilengkapi dengan akses mudah ke kemudahan dan perkhidmatan awam,” Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir berkata menerusi rakaman video.



ASET KAYAMAS™

THE BENCHMARK OF OWNERSHIP

ASET KAYAMAS SDN. BHD. (929423-V)
Lot 33545, Batu 5, Jalan Klang Lama,
58000 Kuala Lumpur.
T : +603-7989 9888 **F :** +603-7972 0888
E : info@asetkayamas.com

Associates / Developers:
FABER VISTA SDN. BHD. (870469-D)
SINERJUTA SDN. BHD. (1013408-T)
ERA ECOLAND SDN. BHD. (1119692-P)
UJANA MUTIARA SDN. BHD. (1126138-AI)
GARUDA SEARAH SDN. BHD. (1134692-A)

Pengarah Eksekutif Aset Kayamas, Michael Chai, berkata: “Aset Kayamas berasa sangat teruja atas penyerahan kunci kepada pemilik unit rumah Residensi Kepongmas berikutan acara yang serupa pada bulan lepas iaitu penyerahan kunci di Residensi Wangsamas. Aset Kayamas terus berusaha untuk membangunkan lebih banyak perumahan mampu milik selaras dengan matlamat kerajaan untuk membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia menjadi pemilik rumah.”

Majlis turut diserikan dengan acara cabutan bertuah yang diadakan, di mana sebanyak 15 pemilik Residensi Kepongmas berjaya menerima hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan oleh pihak pemaju iaitu rebat tunai untuk pakej renovasi yang bernilai RM9,000.

Sehingga kini, Aset Kayamas telah berjaya menyerahkan kunci kepada 6,261 unit siap di bawah program Residensi Wilayah kerajaan. Unit-unit ini termasuk Residensi Pandanmas, Residensi Pandanmas 2, Residensi Sentulmas, Residensi Puchongmas, Residensi Razakmas, Residensi Gurneymas, dan Residensi Jalilmas. Pada September 2019, pemaju juga telah menyerahkan sebanyak 441 unit di Residensi Wangsamas – projek yang telah siap dibina 10 bulan lebih awal daripada jadualnya.

-TAMAT-

Tentang Aset Kayamas

Kumpulan Syarikat Aset Kayamas telah ditubuhkan pada tahun 2011 dengan fokus utama untuk menyediakan kediaman selesa yang berasaskan kualiti serta harga yang berpatutan. Portfolio yang pelbagai merangkumi projek-projek pembangunan kediaman mewah seperti ParkHill di Bukit Jalil, The Henge di Kepong dan The Holmes di Bandar Tun Razak. Sementara di bawah skim Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan RESIDENSI WILAYAH, Aset Kayamas memantau pembinaan beberapa projek kediaman mampu milik di



ASET KAYAMAS™
THE BENCHMARK OF OWNERSHIP

ASET KAYAMAS SDN. BHD. (929423-V)
Lot 33545, Batu 5, Jalan Klang Lama,
58000 Kuala Lumpur.
T : +603-7989 9888 **F** : +603-7972 0888
E : info@asetkayamas.com

Associates / Developers:
FABER VISTA SDN. BHD. (870469-D)
SINERJUTA SDN. BHD. (1013408-T)
ERA ECOLAND SDN. BHD. (1119692-P)
UJANA MUTIARA SDN. BHD. (1126138-AI)
GARUDA SEARAH SDN. BHD. (1134692-A)

Lembah Klang dengan kerjasama kerajaan. Lokasi-lokasi strategik dan akses mudah kesemua projek Aset Kayamas dipadankan dengan usahanya untuk menyediakan kemudahan-kemudahan terbaik dalam projek terlibat. Ia merupakan aspek utama yang telah menyumbang kepada kejayaan berterusan harta-harta syarikat pemaju itu dalam kalangan pelabur dan pembeli.

Burson Cohn & Wolfe (Media Contact):

Sherlyn Cheah | Sherlyn.Cheah@bcw-global.com | +6011-1122 6856
Sheng Yin Loo | Sheng.Yin.Loo@bcw-global.com | +6012-676 4933
Jacqueline Khoo | Jacqueline.Khoo@bcw-global.com | +6016-453 8183
General email: MYAssetKayamas@bcw-global.com